



# KENYATAAN MEDIA

## PENGUATKUASAAN AKTA PERHUTANAN NEGARA (PINDAAN) 2022 [AKTA A1667] BAGI MEMPERKUKUH PERUNDANGAN PERHUTANAN DI WILAYAH PERSEKUTUAN

Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) telah menetapkan tarikh permulaan kuat kuasa bagi Akta Perhutanan Negara (Pindaan) 2022 [Akta A1667] di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan pada hari ini, 1 Februari 2025.

Ini susulan Akta A1667 mendapat perkenan Diraja pada 7 September 2022 dan disiarkan dalam Warta pada 20 September 2022.

Akta Perhutanan Negara 1984 [Akta 313] merupakan undang-undang berkaitan pentadbiran, pengurusan dan pemuliharaan hutan serta pembangunan perhutanan di Semenanjung Malaysia. Dalam usaha untuk menambah baik dan memantapkan pengurusan hutan simpanan kekal (HSK) serta penguatkuasaan hutan, pindaan kepada Akta ini telah dibuat bagi memperkasakan peruntukan-peruntukan yang berkaitan.

Secara keseluruhannya, Akta A1667 mengandungi 62 peruntukan yang melibatkan pindaan dan penambahbaikan meliputi perkara-perkara berikut:

- (i) memperketatkan proses pewartaan keluar dan penggantian hutan simpanan kekal (HSK) dengan memperkenalkan keperluan siasatan awam sebelum sesuatu HSK diwarta keluar. Seterusnya, HSK yang diwarta keluar perlu diganti serentak dengan kawasan tanah yang sama luas atau lebih besar;
- (ii) memantapkan penguatkuasaan hutan dengan memberikan kuasa kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk melantik pegawai perhutanan Persekutuan untuk membantu PBN menjalankan penguatkuasaan di lapangan, serta memberi kuasa kepada pegawai hutan untuk membuat pemeriksaan ke atas orang yang disyaki dan mengadakan sekatan jalan ke atas pengangkut yang disyaki melakukan kesalahan hutan;
- (iii) meningkatkan kadar denda dan hukuman ke atas kesalahan hutan iaitu **denda maksimum bermula RM20 ribu hingga RM5 juta** berbanding peruntukan asal iaitu antara RM10 ribu hingga RM500 ribu. Selain itu, hukuman **penjara maksimum dinaikkan kepada tujuh tahun hingga 20 tahun**; dan
- (iv) mengatasi isu kekaburan dan kuasa yang tidak jelas, antaranya mengenai pelucuthakan deposit sekiranya berlaku pelanggaran lesen atau permit serta pemberian kuasa kepada PBN untuk mengenakan dan menerima fi bagi perkhidmatan hutan.

Penguatkuasaan Akta A1667 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya dan Labuan dilaksanakan serentak dengan penguatkuasaan Kaedah-kaedah Perhutanan Negara (Wilayah Persekutuan) (Pindaan) 2025 [P.U.(A) 50/2025] yang mengandungi peruntukan bagi melaksanakan proses siasatan awam sebelum sesuatu kawasan HSK di Wilayah Persekutuan diwarta keluar.

Penguatkuasaan P.U.(A) 50/2025 menjadikan Wilayah Persekutuan (JPWP) sebagai negeri kedua yang mempunyai perundangan dan prosedur bagi menjalankan siasatan awam sebelum pewartaan keluar HSK selepas Selangor. Kaedah-kaedah ini memperincikan proses kerja di peringkat sebelum, semasa dan selepas siasatan awam dijalankan.

Kaedah-kaedah ini boleh dijadikan rujukan kepada negeri-negeri lain yang pada masa ini sedang menggubal perundangan subsidiari masing-masing bagi menguatkuasakan Akta A1667.

Pada masa ini, keluasan keseluruhan HSK di Wilayah Persekutuan ialah 152.97 hektar yang merangkumi 84.689 hektar HSK di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan 68.281 hektar HSK terletak di Wilayah Persekutuan Labuan.

NRES melalui Jabatan Perhutanan Wilayah Persekutuan (JPWP) sedang berusaha untuk menambah keluasan kawasan HSK di Wilayah Persekutuan denganewartakan kawasan Bukit Dinding, Mukim Ulu Kelang, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur seluas 20.05 hektar. Melalui pewartaan ini, kawasan ini akan dapat dilindungi dan dikekalkan sebagai kawasan hijau selain boleh bertindak sebagai *green lung* bagi kawasan di sekitarnya.

Pewartaan ini juga akan meningkatkan keluasan kawasan HSK di Wilayah Persekutuan khususnya dan negara amnya, sekaligus menyokong komitmen negara untuk mengekalkan sekurang-kurangnya 50% daripada kawasan tanah negara sebagai kawasan litupan hutan dan pokok-pokok.

Saya percaya bahawa pelaksanaan Akta A1667 dan perundangan subsidiari P.U.(A) 50/2025 di Wilayah Persekutuan akan memantapkan pengurusan kawasan HSK dan meningkatkan keberkesanan penguatkuasaan terhadap khazanah hutan negara yang tidak ternilai.

Pelaksanaan dasar ini dijangka dapat mengukuhkan kepercayaan rakyat dan masyarakat antarabangsa terhadap komitmen Kerajaan Persekutuan dalam menangani isu-isu berkaitan sosial, ekonomi dan pemeliharaan alam sekitar secara berkesan.

**NIK NAZMI NIK AHMAD**  
**MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM**  
**1 FEBRUARI 2025**

---

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES)

Tel. : 03-8000 8000 | Fax : 03-8889 4763

